

12/01/2002

Ingatan Pak Lah kepada Azmin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan Naib Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Azmin Mohamed Ali, mengenai akibat yang akan diterima apabila mendedahkan kandungan dokumen yang dilindungi mengikut Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Azmin pasti tahu mengenai kesan daripada tindakan seumpama itu.

"Kita lihat dulu apa yang dia (Azmin) nak buat. Saya tidak tahu apa yang beliau akan lakukan, jadi saya tidak mahu ramalkan atau kata sesuatu... tapi kita tahu apa tindakan yang perlu diambil," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Hari Raya Puteri Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Turut hadir, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian ketika mengulas rancangan Azmin untuk mendedahkan kandungan satu daripada enam kotak yang kononnya dokumen rahsia berhubung penyelewengan pemimpin kerajaan.

Azmin pada sidang akhbar di Kangar semalam, berkata kandungan dokumen itu akan didedahkan pada kempen pilihan raya kecil Indera Kayangan, yang menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon BN, Oui Ah Lan dan pencabarnya dari Keadilan Khoo Yang Chong.

Sebelum ini, Ketua Pemuda Keadilan, Mohamad Ezam Mohamed Noor, ditahan mengikut OSA 1972 berhubung isu pendedahan dokumen rahsia kerajaan.

Kes itu bagaimanapun masih dalam perbicaraan.

Di KANGAR, Azmin ketika dihubungi berkata beliau tahu apa yang harus didedahkan dan tiada sebab untuk sesiapa pun yang tidak bersalah, berasa gelabah.

"Saya tidak faham mengapa mereka begitu gelabah hanya dengan kenyataan bahawa saya mempunyai kotak itu. Mereka yang tidak bersalah tidak perlu bimbang," katanya.

(END)